



## PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan soal selidik berikut untuk mengumpul data berkaitan penggunaan internet dan radio di Malaysia.

- i. Soal Selidik Pendengar Radio 2018;**
- ii. Soal Selidik Pengguna Internet 2018; dan**
- iii. Soal Selidik Pengguna e-Dagang 2018**

Usaha ini adalah sebahagian daripada penyelidikan MCMC dimana hasil soal selidik ini akan digunakan sebagai petunjuk untuk penambahbaikan perkhidmatan industri komunikasi dan multimedia.

Soal selidik tersebut akan dijalankan melalui telefon dari Pusat CATI MCMC di Cyberjaya bermula Mac sehingga Ogos 2018. Bagi memenuhi keperluan kajian, soal selidik juga akan dijalankan melalui kaedah secara bersemuka, kumpulan fokus atau dalam talian.

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan. Responden akan dipilih secara rawak oleh sistem komputer berdasarkan nombor telefon berdaftar. Semua data yang dikumpul akan dirahsiakan. Penyertaan adalah secara sukarela; walau bagaimanapun, kerjasama daripada orang ramai amat dihargai.

Pungutan data akan dilakukan dari pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari, kecuali pada hari cuti umum. Sebarang perubahan tempoh soal selidik akan diumumkan di laman sesawang MCMC: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
**(u.p: Jabatan Statistik)**

Tel: +603 8688 8186

Faks: +603 8688 1000

**www.mcmc.gov.my**



## NOTICE

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) will be conducting the following surveys to collect data pertaining to access and usage of Internet and radio in Malaysia.

- i. **Radio Listeners Survey 2018;**
- ii. **Internet Users Survey 2018; and**
- iii. **e-Commerce Consumers Survey 2018**

This effort is part of MCMC's research, whereby the findings of these surveys are expected to improve the performance of the communications and multimedia industry.

The survey will be conducted via telephone from the MCMC CATI Centre in Cyberjaya commencing March to August 2018. The surveys shall also be conducted via face-to-face, focus group or online, to fulfil the survey requirements.

Please be advised that the purpose of these surveys are for data collection only. Money will not be collected nor sales solicited. Respondents are randomly selected by computer, based on registered telephone numbers. All data collected will be treated as confidential. Participation is voluntary; however, the cooperation of the public is greatly appreciated so that the required information can be obtained.

Data collection will be conducted daily from 9:00am to 6:00pm, except for public holidays. Any changes on the duration of the survey will be announced on the MCMC website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my).

For more information, please contact:

**Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
**(Attn: Statistics Department)**

Tel: +603 8688 8186      Fax: +603 8688 1000

**www.mcmc.gov.my**